

**Sedutan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada
Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keenam (MAPPA VI) di Pusat,
Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
20 Jan 2005**

KITA memulakan tahun 2005 dengan pelbagai harapan. Pelbagai resolusi telah kita buat, ada untuk diri sendiri kerana mungkin yang bujang sudah lama nak kahwin, ada untuk keluarga yang mahukan ramai lagi anak, ada juga untuk kejayaan ahli keluarga, kejayaan kita. Semua orang berhak untuk membuat resolusi bagi tahun ini seperti yang biasa dilakukan.

Ada sesetengah orang tak kisah langsung, tahun sudah, tahun baru, tahun depan, macam itulah juga, dia tak ambil kisah. Tapi kerajaan juga ada resolusi tahunan iaitu apabila kita mengadakan rancangan Malaysia yang tempohnya lima tahun. Ini adalah resolusi yang kita buat awal-awal lagi.

Sekarang, tahun 2005 resolusi kita pun ada dan resolusi kerajaan kita semua sudah tahu, iaitu bajet 2005 dan juga janji yang telah dibuat. Kerajaan berikan kepada rakyat apa yang perlu dilaksanakan, tidak terhad kepada hanya untuk dilaksanakan bagi 2005, tapi terus sampai kepada akhir tahun-tahun akan datang, sampai kepada suatu tempoh yang penting iaitu 2020. Pada waktu itu, kita harap akan dapat dicapai kejayaan bagi bangsa kita dan negara kita. Bangsa maju dan negara maju. Kita menikmati kebahagiaan kerana kemajuan kita.

Kita juga memulakan 2005 dengan perasaan sedih, ada juga susah hati, dukacita kerana rantau kita ini telah dilanda ombak besar tsunami. Kita menerima akibat ombak besar ini. Sangkaan kita ialah disebabkan negara kita berada dalam kawasan yang paling aman dan tenteram dari segi kedudukannya, tidak ada gunung berapi, di luar daripada Lingkaran Api Pasifik, kita tak kena.

Lingkaran itu sebenarnya dari Jepun turun ke Filipina, Pulau Jawa, Sumatera, naik ke Kepulauan Andaman, Nicobar sampai ke atas. Kita selamat, itulah harapan kita. Taufan pun tidak melanggar negara kita, tak ada gunung berapi, tak ada banjir besar seperti yang berlaku di Bangladesh. Kita sebenarnya dirahmatkan Allah SWT kerana Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak terletak di kawasan yang boleh dikatakan selamat.

Dengan perasaan seperti itu, tentulah apabila pukulan ombak tsunami menyebabkan apa yang berlaku dalam negara kita ini, kita semua berasa terkejut besar. Saya pun terkejut bagaimana perkara itu boleh berlaku. Masa itu saya di luar negara. Kesannya begitu teruk, terutama di Aceh.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah SWT kerana walaupun kita turut ditimpa malapetaka ini, ia tidaklah teruk sangat jika dibandingkan dengan apa yang berlaku di negeri lain. Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana kita ada kemampuan untuk membaiki situasi yang kita hadapi ini. Kita juga membantu mangsa di Indonesia dan negara lain seperti Sri Lanka dan India, untuk menandakan kepada mereka bahawa kita adalah negara sahabat, senang pun kawan, susah pun kawan. Inilah cara kita.

Mereka amat menghargai sumbangan itu apabila kita katakan bahawa ia bukan hanya datang dari kerajaan, tapi dari rakyat Malaysia, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, kakitangan kerajaan, tentera, polis, yang kaya bagi wang secara banyak, yang kurang berada bagi wang melalui SMS, malah ada juga kanak-kanak yang keluar duit dari tabung simpanan, semua ini menunjukkan bahawa kita rakyat Malaysia sebenarnya orang yang ada perasaan sayang, kasih dan belas apabila sesuatu malapetaka berlaku dan sedia menolong serta membantu sekadar yang terdaya.

Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana walaupun negara kita turut dilanda tsunami, kita masih ada kekuatan dan kemampuan untuk membantu mereka yang menjadi mangsa bagi memulihkan keadaan. Semua ini kerana kita ada kemampuan daripada segi kewangan, walaupun tidak banyak.

Inilah sebenarnya kemampuan yang ada pada kita pada waktu ini. Sebenarnya, keupayaan ini adalah hasil daripada usaha gigih kita semua membangunkan negara, menjadikan ekonomi kita ini baik. Inilah usaha kita bersama, bekerja pada semua peringkat sama ada kerajaan atau swasta hingga mampu membangunkan ekonomi kita.

Dalam hal ini, ada beberapa perkara yang dapat kita ambil iktibar daripadanya, antaranya ialah kita boleh rasa selamat dan ada kalanya kita yakin kita ini selamat, tetapi kita tak tahu sebenarnya apa yang mungkin terjadi kepada kita kerana Allah SWT yang tahu segala-galanya.

Allah SWT mengetahui segala yang baik, tetapi kita tidak tahu. Kita tidak sangka tsunami akan melanda, itu bencana alam. Tetapi pada 1997 kita sudah dilanda tsunami kewangan. Saya boleh gunakan tsunami kewangan kerana pemimpin kita dulu, Tun Dr Mahathir Mohamad, telah mengatakan kita dilanda krisis kewangan. Samalah dengan tsunami yang melanda.

Kita berada dalam keadaan yang amat teruk sekali, tidak pernah kita mengalami krisis mata wang yang begitu dahsyat dan kalau tidak ditangani dengan baik, kita akan jadi sebuah negara yang lumpuh, mungkin tidak dapat membangun lagi dan kalau dapat membangun sekalipun, amat susah mahu dipulihkan keadaannya. Lihatlah di negara yang terkena tsunami kewangan ini, berapa banyak kos sosial yang terpaksa dikorbankan untuk membetulkan keadaan.

Tetapi kita dapat memperbaiki keadaan, memulihkan ekonomi kita tanpa kos sosial. Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah SWT di samping itu ada juga perkara kecil lain yang berlaku dalam negeri kita, yang mungkin berlaku di luar negara tapi membawa kesan. Itulah yang saya belajar daripada apa yang berlaku.

Satu pelajaran yang kita dapat dari kesemua ini ialah kalau diri kita kuat, Insya-Allah kita akan dapat hadapinya. Kekuatan mesti datang daripada dua sumber iaitu kekuatan fizikal dan negara. Pentadbiran yang kukuh, politik yang stabil, keamanan negara, kekuatan rakyat dan sikap disiplin rakyat juga penting.

Kita lihat ciri-ciri ini ada pada kita sewaktu kita mengalami dua malapetaka sama ada pukulan ombak besar tsunami atau pukulan ombak krisis kewangan pada 1997. Kita ada kekuatan dari segi ekonomi sebab kita ada asas ekonomi yang kuat.

Kita telah membangunkan negara kita ini dengan mengambil kira pelbagai aspek supaya rakyat akan mendapat manfaat daripada pembangunan ini, dapat menikmati hasil pembangunan mengikut peringkat, kemampuan dan keupayaan masing-masing. Walaupun diakui masih ada golongan yang miskin, kita telah dapat mendekatkan rakyat dengan kerajaan, kita dapat menjalinkan suatu hubungan saling hormat menghormati.

Kerajaan kita adalah kerajaan berjiwa rakyat, kerajaan yang sangat memahami dan menghargai sokongan rakyat. Saya percaya rakyat menghargai apa yang kerajaan telah berikan kepada mereka, kalau tidak masakan mereka akan terus mengundi Barisan Nasional (BN) bagi membolehkannya menubuhkan kerajaan dan terus memerintah.

Walaupun kadang-kadang mereka merungut juga, kita faham tidak semua yang kita buat memuaskan, tapi kita perlu baiki dari semasa ke semasa. Rakyat Malaysia sebenarnya sudah sampai tahap bersatu padu, bangun bekerjasama tanpa mengira kaum, bangsa, keturunan dan agama. Siapa juga yang ditakdirkan untuk memerintah kerajaan, syarat utama ialah perpaduan mesti wujud.

Sama seperti ketika tsunami, semua pergi membantu, bukan kita kerah, tetapi mereka dengan rela tampil ke depan menyumbangkan duit dan bekerja bersama-sama. Itu contoh yang saya perlu ulangi selalu. Ini adalah ramuan penting untuk kejayaan Malaysia pada masa depan. Bukan setakat itu saja, lahiriah dan fizikalnya, tapi dari segi jiwa kita.

Saya bukan bercakap mengenai dekat dari segi fizikal, bagaimana dekatnya kita dalam dewan besar ini, sama ada kita dekat di hati atau tidak. Itu yang memberi makna kepada kita bersama. Kalau di hati tidak dekat, kerjasama tidak ikhlas, maka bersama itu hanya dari segi fizikal saja yang tidak membawa makna, bila-bila boleh berkecai dan pecah. Susah sikit bergaduhlah. Hubungan baik hanya pada masa

seronok, kalau tak seronok, kamu kamulah, aku akulah, maka tidak ada kekuatan itu.

Saya tidak mengatakan semua berpendapat begitu, tapi majoriti mesti ada. Oleh itu, marilah kita lihat diri kita dan kumpulan yang ada peranan tertentu, mesti dilaksanakan peranannya. Peranan kerajaan kepada rakyat, peranan pemimpin, peranan pengikut dan dalam hal yang banyak, peranan ini sudah bertindih. Kita mengikut, kita memimpin, siapa yang memimpin tak pernah ikut?

Walaupun mungkin orang lain ada pengikutnya yang sedikit, yang kuat gagah menakutkan orang. Ada pemimpin yang pengikutnya ramai. Dalam demokrasi pilihan kita, ramai yang terlibat sebenarnya dalam hal ini. Ikut mengikut, memimpin dan mengikut, bercakap dan mendengar, memberi dan menerima, hormat menghormati, ini amanat kita dalam mengikut amalan demokrasi pemerintahan zaman ini.

Di negara kita ada pemerintahan, ada kerajaan dan pentadbiran. Kita ada peranan. Dalam proses ini, kita ada peranan sebagai pemangkin untuk menjayakan proses yang saya katakan ini, ikut mengikut. Ikut, memimpin dan mengikut, memberi dan menerima, bantu membantu, sudah ada dalam kita, dengan itu ada peranan.

Kita menuju ke arah Wawasan 2020 dan menjadikan negara kita ini negara maju. Maknanya pada saya, pembangunan fizikal penting tetapi yang juga penting ialah pembangunan tenaga manusia. Kepentingan pembangunan manusia. Manusia adalah penting, bangunan adalah penting tetapi pada saya manusia adalah lebih penting kerana orang inilah yang akan menggerakkan segala pembangunan yang ada di negara kita. Buat apa ada harta, kalau tembak pun tak tahu, bagilah senapang canggih-canggih, tembak pun tak betul.

Ini fakta manusia. Amat penting mesti mempunyai keupayaan melihat dan memahami, bertindak cepat, menghadapi segala keadaan yang akan kita lalui di mana kita berada seperti yang saya katakan tadi, ombak besar tsunami dan krisis kewangan tsunami. Kita mesti ada kemampuan ini. Jika ada rakyat yang bermutu, kepemimpinan yang berkualiti, pentadbiran yang berkualiti, maka tentu sekali kepemimpinan yang diharapkan pada masa krisis itu, akan menjadi kepemimpinan yang baik dan kepemimpinan yang kolektif akan membawa kesan yang cukup baik kepada seluruh negara.

Itu adalah tanggungjawab kita... saya, kamu dan semua anda. Kepemimpinan ini adalah kepemimpinan yang kita semua terlibat. Maka sebab itulah kita perlu menekankan perkara ini. Dalam ucapan saya tahun lalu, saya sebut macam-macam cabaran yang kita perlu hadapi. Cabaran besar yang perlu kita hadapi, cabaran globalisasi, cabaran liberalisasi, itupun cabaran juga. Kalau tidak dijaga akan menjadi tsunami juga pada kita, juga negara yang sedang membangun.

Cabaran yang berlaku di negara kita ini dengan negara baru yang memperlihatkan kemunculan pelbagai gergasi ekonomi yang perlu diambil kira kehadiran mereka

seperti China dan tiba-tiba India, semua kita perlu ambil kira. Kita bukan adanya situasi yang terkepung, yang dibentengkan dengan pelbagai prinsip hebat. Kita terbuka setiap masa. Hubungan kita terbuka. Kita tidak boleh membentengkan kita daripada apa yang berlaku di luar.

Anda mungkin tidak pilih untuk buat, bersaing sebab anda mendahului, akhirnya kita kalah. Kita pilih untuk tidak buat apa-apa, itulah cara senang sekali. Tak boleh. Kita mesti sentiasa berada dalam situasi yang dinamik, mampu membuat strategik pengubahsuaian dalam menghadapi sesuatu perkara. Daya pemikiran mesti cepat, memikir situasi yang perlukan tindakan. Jadi kualiti minda, individu mesti diberi perhatian untuk membaikinya.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bermula tahun depan, kita buat keputusan untuk memberi keutamaan ke arah meningkatkan pembangunan sumber manusia. Kita semua termasuk saya, akan masuk era fasa kedua ke arah Wawasan 2020. Ia memerlukan pembangunan fizikal, tetapi lebih lagi ia memerlukan pembangunan tenaga manusia. Kita nak tambah nilai produk kita, tambah nilai perkhidmatan, membaiki sistem penyampaian awam, memperbaiki pentadbiran, kita nak buat semua itu.

Ada yang tidak betul mengenai tambah nilai? Bagi saya yang penting ialah menambah nilai diri kita. Adakah kita bersedia untuk menambah nilai pada diri kita? Dengan ilmu yang akan memberikan kita pengetahuan, mengenali, memahami situasi baru dan keadaan yang berubah dari masa ke masa, cabaran kita hadapi adalah berpuluh kali ganda.

Pada 2020, padang permainan sudah tidak sama, tetapi ia jauh lagi. Kita uji kekuatan kita, susah nak capai tahap 2020, pastikan semua mesti berusaha ke arah itu.

Tambah nilai pada diri bermakna anda perlu cepat. Anda sendiri tak boleh buat, semua orang kena buat. Sebab itu saya suka kerjasama, secara kolektif. Saya lebih hargai idea ramai daripada satu. Tun Dr Mahathir dulu kata saya, kadangkala ada perkara yang perlu dibincang secara berkumpulan. Saya lihat bagaimana pemimpin dulu bekerja.

Dalam konteks kita nak memberi nilai kepada sumber manusia yang akan kita bangukan, kita mesti terapkan nilai baik dalam diri kita. Kita juga dah lancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN), kita nak gerakkan penghidupan nilai baik, berbudi bahasa, bukan pandai bodoh sombang, ada yang ada idea tak nak kongsi, cemburu, depan tak cakap, belakang mengata. Dalam mesyuarat senyap macam dungu, apa manusia macam ini... tak bolehlah macam itu.

Keikhlasan mesti ada, itu yang pertama sekali. Tidak menyalahguna kuasa, jangan terima rasuah, baik budi bahasa, ingin membantu dan menolong, banyak lagi kita boleh senaraikan semua. Kita nak jadi yang paling baik, yang ada pengetahuan dalam pelbagai bidang pun tak guna kalau tidak ada integriti.

Ada yang guna ilmu untuk menipu... berdosa menggunakan ilmu pengetahuan untuk benda-benda yang merosakkan orang, memporakperandakan keadaan. Ini bergantung kepada manusia juga, adakah ilmu itu akan jadi baik atau tidak. Kita mahu yang dihormati, ada integriti. Dia pergi manapun orang hormat dia. Kehadirannya orang akan tahu, sebab dia membawa satu kekuatan... inilah orangnya yang ada towering personality, bukan melukut di tepi gantang atau kita boleh buat tanpa kamu.

Imej pentadbiran, pemerintahan kita kena jaga dan jadi lebih baik. Setiap individu kita mahu jadi individu kelas pertama. Sebab itu saya sokong 100 peratus apa (Datuk Seri Dr Rais Yatim) Rais cakap pasal budi bahasa. Saya gunakan dalam konteks untuk membangunkan pembangunan manusia yang amat diperlukan untuk menghadapi cabaran hebat pada masa depan. Dia boleh buat penyesuaian dan perubahan, bergantung kepada manusia yang menggerakkannya. Ini yang akan menyemarakkan kecemerlangan pentadbiran.

Selain itu, semua perlu menjayakan sistem penyampaian awam. Saya sendiri perlukan khidmat jabatan. Dia mungkin bekerja di JPA tapi bila isterinya guru kena pindah tugas, dia perlu mengadap Kementerian Pelajaran... dia nak uruskan perpindahan isteri tapi diberitahu saya sibuk. Kita semua memerlukan khidmat jabatan. Begitu juga di pejabat tanah... jangan lupa kita buat untuk rakyat.

Kita tetap dan masih perlukan khidmat orang lain. Dengan maklum balas daripada pelbagai sektor yang memberi pandangan dan saya ulangi bahawa usaha meningkatkan sistem penyampaian perlu menyeluruh. Dari atas sampai bawah, kesannya belum cukup, tak sampai ke bawah lagi. Dari segi layanan, masih ada kekurangan di sana-sini, keengganan membantu masih ada, tidak responsif kepada orang yang nak minta tolong. Chase him away masih ada. Saya juga tahu kalau jumpa, kata dia ni susah.

Kita kerja bantu membantu. Tak ada orang ini, orang lain tolong. Buatlah apa yang boleh, bukan tak boleh buat. Ada jumpa kata yang ini saya dah buat, dia tak buat. Oh tuduh orang lain pula. Dia kata orang tu dah lama tak peduli. Mungkin dia terlupa atau dia dah ambil tindakan, tapi anda tak tahu. Jangan mengata kawan kalau nak melepaskan diri.

Kalau ada sesuatu tidak elok, kita ubahsuai, kita boleh baiki. Bermuafakatliah, kerjasama, bincang dalam mesyuarat. Bagilah semua orang beri idea. Yang saya utamakan dalam pentadbiran, gunakan pendekatan perundingan. Kita mesti mencari jalan dan menerima idea terbaik, tak kira daripada pegawai rendah sekalipun.

Kebaikan sesuatu idea mesti diiktiraf dan diterima. Kalau tak nak dengar idea orang, tak payah ada perbincangan. Kalau ada perbincangan dan ada idea, beri peluang seluas-luasnya untuk idea terbaik diterima sebagai keputusan kolektif hasil proses

perundingan. Orang lebih hormati pemimpin yang sanggup dengar idea orang lain. Inilah yang dikatakan 'quality control circle' sebab itulah Jepun maju.

Jika kita guna pendekatan ini, kita tambah nilai pada kebolehan mereka dan beri kuasa kepada mereka dengan kuasa membuat keputusan. Ada input yang dia boleh lihat. Ini pandangan saya dan ini keputusan saya, tidak boleh buat keputusan sendiri. Pergi cari 'the best idea'. Kalau ada perundingan, proses akan jadi lebih cepat. Pentadbiran yang akan datang kalau tidak buat kaedah keputusan lebih cepat, dengan automasi, perundingan, sudah tentu proses akan jadi lebih cepat. Kita harus cuba berfikir secara kreatif.

Dalam konteks menjadikan negara kita indah, banyak perkara perlu dilihat. Cuba tengok Sungai Klang, baling anak buaya, dalam tempoh tiga minit mati, cuma tikus tegar yang hidup. Apa teruk sangat sungai tu. Ia adalah kekayaan, warisan yang kita kena lihat. Macam kita buat jalan nak bagi mudah orang balik kampung, buat jalan lebar lagi ramai mati. Biar jalan dulu bengkok, tujuh jam sampai. Buat parit bukan untuk air tapi sampah, hujan lebat jadi banjir kilat.

Ini adalah suatu usaha kita semua untuk meningkatkan apa yang kurang. Setiap pentadbiran perlu tengok apa tanggungjawab dan perbaikilah. Carilah kaedah untuk menjadikan lebih elok, indah, menarik dan menyenangkan, ada daya saing. Kita perlu menjadikannya menarik... macam juga dengan penjenayah kita, tak boleh bertolak ansur dengan mereka kerana merosakkan masyarakat.

Kerajaan mesti 'lead the way'. Kita mesti jadi contoh yang baik selain individu yang menjadi pentadbir kerajaan. Dulu kita ada Kepemimpinan Melalui Teladan dan kumpulan yang menggerakkan itu dah tak ada, semua dah bersara. Generasi sekarang mesti fahami Kepimpinan Melalui Teladan yang baik. Kita memimpin yang baik, semua ada peranan memimpin yang baik. Kita juga perlu pimpin diri sendiri supaya boleh tingkatan pencapaian kita.

Satu lagi, kalau ada cakap-cakap sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi, apa jadi dengan sektor awam? Ia sama sebenarnya. Bantu membantu bagi menjayakan pertumbuhan ekonomi. Mana boleh swasta akan maju kalau sektor awam tak maju dan berjaya. Untuk capai matlamat pembangunan ekonomi dan kehendak rakyat, yang akan buat kerja, gerakkan pelaburan memang swasta, tapi kerajaan ada peranan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi.

Dia beri laluan kepada swasta untuk jana pertumbuhan ekonomi. Misalnya kita beri peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) untuk tingkat pencapaian industri kampung, banyak yang bermula dengan SME. Malah di Jepun juga banyak syarikat yang mula dengan SME. Oleh itu, dalam RMK-9 kita akan berusaha mencapai matlamat Wawasan 2020.

Ada satu isu yang saya nak sentuh, pasal pengambilan air. Kata kita tak endahkan Sultan, kerajaan tak ada budi bahasa, tak bagi tahu Sultan, tiba-tiba pinda

Perlembagaan. Kita bukan pinda Perlembagaan nak ambil alih sumber air, tapi pengurusannya saja. Kita nak ambil alih urusan pembekalan air yang melibatkan penapisan dan pengedaran air yang boleh dilaksanakan dengan baik.

Kerajaan negeri hutang dah tak boleh bayar lagi dah. Sumber air tetap hak negeri. Sungai semua itu hak negeri, kita tak boleh pindah sungai. Depa kata itu tanda nak naik tarif air, bagi kat dia punya kroni hari ini, dapat esok, naik. Ada ke cakap macam itu? Tak ada maknanya.

Kita terpaksa buat kenyataan (kenaikan tarif) bukan automatik, hari ini kita swasta esok naik tarif air, bukan begitu... kita kena kemuka kepada Kabinet, nak ambil kira kecekapannya, berapa modal, kos semua perlu diambil. Tapi yang penting, kesimpulannya mengapa kita ambil alih? Ia untuk memberi rawatan dan bekalan air yang baik demi kepentingan rakyat juga.

Mudah-mudahan kita akan sama-sama memahami dan memberi penerangan apa yang kita laksanakan.

Akhir sekali, Islam Hadhari... masih ada pandangan yang tak berapa menyenangkan. Ada kata Islam Hadhari nak bawa mazhab baru. Ada kata al-Quran dan hadis mana, awat lupa? Takkanlah saya sebodoh itu nak ketepikan al-Quran dan hadis... macam-macamlah buku ini keluar, buku itu keluar. Cuma dengar dan beri pandangan.

Al-Quran dan hadis sudah ada, ia dibaca seluruh dunia Islam ini, ada ulama dan semuanya. Kalau dah baca al-Quran dan hadis saja, mengapa tak semua negara Islam maju dan berjaya? Mengapa masih banyak negara Islam dikategorikan sebagai mundur atau miskin?

Kita perlu memahami al-Quran dan hadis dalam konteks interpretasi apa yang dikehendaki oleh al-Quran dan hadis. Bagaimana kita nak hidupkan ajaran al-Quran dan hadis sebagai pendekatan untuk memajukan Islam. Saya juga suka kepada ijmak ulama... tak ada orang yang betul-betul pakar dalam memperkasakan negara supaya jadi umat yang maju dan berjaya.

Hidup bersama dengan lain, bekerjasama dengan muafakat, semua disebut dalam ciri Islam Hadhari termasuk pertahanan tak lari dari ajaran agama, hadis dan al-Quran kerana sumbernya tetap al-Quran dan hadis. Ia semuanya berkaitan amanah yang diminta Allah SWT bagi kita menjaganya. Kita mesti beramanah dalam apa juga. Ini termasuk dalam soal menghakimkan antara manusia, bukan antara muslimin atau umat Islam tapi antara manusia.

Pemimpin parti komponen BN iaitu MCA, MIC dan Gerakan sudah diberi penjelasan dan mereka berpuas hati dengan apa yang saya terangkan sebelum ini.

Kemampuan, keupayaan untuk melaksanakan interpretasi kita yang tidak terkeluar daripada ajaran itulah yang akan membawa kita. Dalam lawatan ke luar negara juga saya diminta bercakap mengenai Islam Hadhari, bukan saya menawarkan diri, nak promosi ini tapi saya diminta. Di Oxford juga saya tekankan inilah apa yang umat Islam mahu.

Sekarang Islam dikaitkan dengan keganasan, sedangkan ia tidak begitu. Islam Hadhari ialah strategi menjayakan ajaran Islam yang berteraskan al-Quran dan hadis. Itu saja... ia bukan mazhab baru, bukan agama baru.

Saya dah cakap panjang. Ini 'eye ball to eye ball', dari hati ke hati bagi kita sama-sama menjayakan (pentadbiran negara berteras Islam Hadhari). Kita sama-sama perlu jayakan, kita perlu merasa bangga dalam diri kita kerana kita menjadi penduduk bumi Allah ini yang memiliki kita di zaman moden ini. Nama Malaysia, macam-macam nikmat yang diberikan yang kita tak dapat kira banyaknya. Cuma kemampuan akal manusia yang akan dapat melihat sesuatu itu sebagai nikmat. Manusia yang tidak tahu melihat sesuatu sebagai nikmat, tidak akan dapat menghargai nikmat. Dia kemudiannya akan melakukan pembaziran yang amat besar kerana nikmat yang diberikan oleh Allah itu tidak digunakan sebaik-baiknya untuk menjadikan dia sebagai insan yang lebih baik lagi. Dia tak tau apa nikmat yang ada sebab kekurangan ilmu maka dia jadi pembazir nombor satu, pembazir, tetapi bagi manusia yang ada ilmu pengetahuan tidak ada apa yang menjadi pembaziran. Pohon, pokok, air macam-macam nikmat. Tuntutlah ilmu, pergunakan diri kita dengan ilmu pengetahuan (In nafi khal fis-sama wa tiwal arth ila fil laili wan nahar haya til lu ulil albab). Oleh sebab belakunya malam dan siang. Cahaya matahari dan sebagainya. Yang akan faham hanya mereka yang ada ilmu pengetahuan. Sebab itulah mereka ulil albab.

Jadi, marilah kita perbaiki diri kita, saudara, saya, Datuk Najib, kawan-kawan yang ada dalam pentadbiran, pemerintahan dan sausara semua buatlah apa yang baik untuk masa depan kita, anak cucu kita dan negara Malaysia. Negara akan menjadi negara yang dihormati, disanjung tinggi, harum namanya, di mana rakyat hidup dalam penuh kebahagiaan dan sentiasa dirahmati Tuhan dan mendapat keampunan daripadaNya.

Ia falsafah mudah dan yang kita perlu ialah pastikan peringkat perjuangan kita akan berterusan dengan kejayaan. Kita mempunyai RMK-9 sebagai rancangan terbaik, insyaallah. Wawasan 2020 dan apa yang dibuat selepas itu boleh difikirkan tetapi usaha kita untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, perbaiki diri adalah usaha sepanjang umur kita. Yang diperlukan oleh negara selagi negara kita ini wujud. Terima kasih.

Assalamualaikum.